

Penduduk diminta **berjaga-jaga**

■ Beberapa lokasi di sekitar Selangor dinaiki air sehingga mencecah 0.6 meter

Oleh Mohd Hasbi Sidek
mohd.hasbi@hmetro.com.my
Shah Alam

Hujan berterusan selama tiga jam sejak jam 3 petang, semalam, di sekitar Selangor menyebabkan beberapa lokasi dinaiki air sehingga mencecah 0.6 meter.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, banjir kilat itu juga menyebabkan beberapa keluarga dibawa keluar dari kediaman masing-masing.

"Antara lokasi dinaiki air adalah Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh jam 4.30 petang apabila air naik 0.6 meter.

"Terdapat lima mangsa dibawa keluar sementara menunggu air surut. Bagaimanapun, mereka tidak dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.

"Kawasan lain adalah di

Kampung Sri Aman, Puchong apabila air naik mencecah 0.5 meter pada jam 5 petang. Namun, tiada mangsa dipindahkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, Jalan Tempinis, Kampung Tengah, Batu 13, Puchong dinaiki air setinggi 0.6 meter pada jam 5 petang.

"Penduduk berada di kawasan terbabit diminta berjaga-jaga sekiranya hujan berterusan," katanya.

Sementara itu, laman web rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia melaporkan paras air di Sungai Damansara di Kampung Melayu Subang melebihi paras bahaya iaitu 7.5 meter pada jam 7 malam.

Air Sungai Buloh di Kampung Sri Aman dilaporkan melebihi paras amaran 6.5 meter pada jam 6.45 petang.

Kawasan sekitar di kedua-dua lokasi itu dikhuatiri dinaiki air dan penduduk diminta supaya berjaga-jaga.



KEADAAN air melimpah sekitar kawasan fakulti berikutan banjir kilat di UiTM Puncak Alam.



PENDUDUK melihat kenderaan yang tersangkut akibat banjir kilat di Taman Seri Alam.

yes
www.yes.my

Redmi Note 2

PERCUMA bernilai RM1208

BARU

Diterajui oleh YTL